



IKLAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH SIRI 2/2021

Kerajaan Negeri Sabah mempelawa permohonan Biasiswa untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana. Syarat utama permohonan ialah pemohon dan ibu bapanya hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sabah; sama ada kedua-dua ibu bapa berasal dari Sabah, atau salah seorang daripada ibu bapa berasal dari Sabah.

(A) BIDANG DAN PERINGKAT PENGAJIAN

1. Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT)

Aktuari Sains	Perikanan
Juru Ukur	Pertanian
Kejuruteraan	Sains Tulen
Kesihatan dan Perusahaan Ternak	Seni Bina (Architecture)
Maritim	Teknologi Maklumat
Pengurusan Hartanah	Ukur Bahan
Perakaunan	

2. Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tempatan (IPT)

Aktuari Sains	Pengurusan Hartanah
Ekonomi	Perakaunan
Farmasi	Pergigian
Kejuruteraan	Perhutanan
Kesihatan dan Perusahaan Ternak	Perikanan
Keusahawanan	Pertanian
Juru Ukur	Perubatan
Perindustrian	Perubatan Veterinar
Pelancongan dan Hospitaliti	Sains Alam Sekitar
Pendidikan - Matematik	Sains Komputer
- Pengajian Islam	Seni Bina (Architecture)

- Bahasa Inggeris	Seni Kreatif
- Bahasa Cina	Ukur Bahan
Pengajian Islam	Undang-Undang
Pengurusan Ladang	

3. Ijazah Sarjana di Institusi Pengajian Tempatan (IPT)

Bidang pengajian yang dianggap '*Kritikal*' dan '*Selektif*' bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di Sabah.

B) KELAYAKAN PEMOHON

1. Had Umur

- 1.1 Bagi kursus (A) 1 pemohon hendaklah tidak melebihi 20 tahun.
- 1.2 Bagi kursus (A) 2 pemohon hendaklah tidak melebihi 25 tahun.
- 1.3 Bagi kursus (A) 3 pemohon hendaklah tidak melebihi 30 tahun.

2. Kelayakan Akademik

2.1 Kursus Diploma

2.1.1 Lulus *Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)* dengan memperolehi sekurang-kurangnya **7A** dalam mata pelajaran termasuk **Bahasa Melayu** dan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang dipohon. Lulus dengan *kepujian* dalam mata pelajaran **Bahasa Inggeris** untuk universiti yang menggunakan **Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar**.

2.2 Kursus Sarjana Muda

2.2.1 **Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.33**. Kelayakan ini haruslah diperolehi dengan hanya sekali menduduki peperiksaan atau kelayakan yang setaraf.

2.2.2 Sijil Tinggi Agama Malaysia (**STAM**) dengan memperolehi sekurang-kurangnya **Jayyid**.

2.2.3 **Diploma** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

2.2.4 **Lulus Matrikulasi** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

2.2.5 **Lulus Asasi/Foundation** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

2.3 Kursus Sarjana

2.3.1 **Sarjana Muda** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

2.3.2 Bidang kursus pengajian yang dianggap '**kritikal**' dan '**selektif**' bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di Sabah.

2.4 Perubatan, Pergigian dan Farmasi

2.4.1 Kursus **Perubatan, Pergigian** dan **Farmasi** perlu memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.8** di peringkat **STPM/ Diploma/ Matrikulasi**. Tawaran Biasiswa hanya di **Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** dalam negeri sahaja

2.5 Pemohon yang sedang belajar di **Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT)** perlu memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.5 keputusan semasa** untuk meneruskan pengajian ke peringkat Diploma dan Sarjana Muda.

(C) CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah melalui sistem '**online**' dengan melayari laman sesawang www.biasiswa.sabah.gov.my mulai **21 Jun 2021** Pemohon perlu mendaftar **e-mel peribadi** yang aktif.

(D) PERHATIAN

1. Permohonan yang **tidak lengkap** atau tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan **TIDAK akan dipertimbangkan**.
2. Keputusan permohonan disemak melalui '**online**'.
3. Kursus Matrikulasi/ Asasi/ Foundation tidak ditaja.
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Julai 2021**. Permohonan **selepas tarikh tersebut TIDAK akan dipertimbangkan**.

Bahagian Penajaan dan Pengembangan Bakat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi